Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah *Education and Training Department & Regional Offices*

- Saupi Nazri bin Mamat

Pengurus / Manager

Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan *Education and Regulatory Competency Division*

- Siti Badariah binti Abu Bakar

Pengurus / Manager

Bahagian Kesedaran & Kemahiran Keselamatan *Safety Awareness & Skills Division*

- Siti Zainatul Arafah binti Mat Zin

Pengurus / Manager

Bahagian Komunikasi Strategik Latihan *Training Strategic Communications Division*

- Norazman bin Bakrun

Pejabat Wilayah *Regional Offices*

Pengurus / Manager

Pantai Timur *East Coast* (Kerteh, Kuantan & Kota Bharu)

- Hisyamuddin bin Mohamad

Pengurus / Manager

Utara *Northern* (Penang & Manjung)

- Rosliza binti Osman

Pengurus / Manager

Selatan *Southern* (Johor Bahru, Malacca & Pengerang)

- Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar

Pengurus / Manager

Sabah (Kota Kinabalu, W.P Labuan, Sandakan & Tawau)

- Wan Sarman @ Wan Salman bin Sakan

Pengurus / Manager

Sarawak (Kuching, Bintulu, Miri & Kapit)

- Normiza binti Suhaili

NIOSH Certification Sdn. Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*

- Syamsul Zahrin bin Zainuddin

Pengurus Kanan Operasi / *Sr. Operations Manager*

- Amirthasamy a/l Mahalingam

Pakar Teknikal *Technical Expert*

Bahagian Perniagaan dan Pemasaran

Business and Marketing Division (BMD)

- M. Hamzah bin Jamaludin

Bahagian Pembangunan Program

Programme Development Division (PDD)

- Muazan bin Mohamed

Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan

Consultation, Research and Development Department (CRDD)

- Haji Fadzil bin Osman
- Haji Mohd Esa bin Baruji
- Dewilillah Sapriah binti Yosof

Pematuhan Perundangan

Regulatory Compliance (RC)

- Dr. Muhamad Ariff bin Muhamad Noordin
- Nor Mohd Razif bin Noraini

Penyelesaian KKP

OSH Solutions (OS)

- Azhar bin Ahmad

Khidmat nasihat

Advisory Services (AS)

- Raemy bin Md Zein
- Siti Nurani binti Hassan

Perkhidmatan Teknikal

Technical Services (TS)

- Mohd Norhafsan bin Maghpor

Penyelidikan Gunaan

Applied Research (AR)

- Baderin bin Osman


Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah

Education and Training Department & Regional Offices (ETD & RO)

- Haji Amirrudin bin Abdul Aziz
- Yuzainie bin Yusof
- Ruzita binti Mohd Shariff
- Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar
- Paramesvaran a/l Mariappan
- Mohamad Anizan bin Mohammed Amin
- Shahrulnizam bin Jamen



ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS *ENVIRONMENT, SOCIAL AND GOVERNANCE*



BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (QMD)

Alam Sekitar

Kecekapan Penggunaan Air

Kekurangan air semakin serius di seluruh dunia. Disebabkan pemanasan global, beratus juta orang dijangka mengalami tekanan bekalan air yang semakin meningkat dalam beberapa dekad akan datang. Menjelang tahun 2080, tambahan 1.8 bilion orang lagi penduduk dunia mungkin tidak lagi mempunyai akses kepada air yang mereka perlukan.

Dalam situasi ini, NIOSH berusaha meningkatkan kecekapan penggunaan air dalam aktiviti harian berdasarkan Polisi Alam Sekitar.

Risiko berkaitan air dipantau dan langkah-langkah diambil untuk mengenal pasti dan memperbetulkan kesan operasi terhadap sumber air. Untuk meminimumkan kesan alam sekitar pengambilan dan pelepasan air, kita menguruskan penggunaan air berdasarkan standard dan peraturan di mana kita beroperasi atau berdasarkan standard yang lebih tinggi.

Jadual 1: Penggunaan Air bagi tahun 2022 / *Table 1: Water Usage for 2022*

Garis Panduan Asas tahun 2022 <i>2022 Baseline</i>	Keputusan tahun 2022 <i>2022 Results</i>	Status <i>Status</i>
RM65,963.04	RM44,752.33 (penggunaan keseluruhan) <i>(total usage)</i>	32% kekurangan bill air <i>reduction in water bills</i>

*Sasaran: Pengurangan 5% dari Garis Panduan Asas tahun 2022 / *Target: 5% reduction from baseline

Kecekapan Tenaga dan Intensiti Karbon

Isu global seperti pemanasan global dan perubahan iklim semakin meningkat dan memberi kesan serius kepada kehidupan manusia dan aktiviti perniagaan. Sebagai penyedia latihan, NIOSH menggunakan pelbagai jenis tenaga dan pelepasan CO₂ tidak dapat dielakkan dalam semua aktiviti utama, termasuk latihan, perundingan, penyelidikan dan pembangunan, serta penyebaran maklumat.

QUALITY MANAGEMENT DEPARTMENT (QMD)

Environment

Water Usage Efficiency

Water shortages are intensifying around the world as a consequence of global warming. Research indicates that hundreds of millions of people will face an increase in water stress levels in the coming decades. By 2080, an additional 1.8 billion people around the world may no longer have access to water and clean water.

Looking at the seriousness of this situation, NIOSH aims to enhance daily water usage efficiency based on the government's Environmental Policy.

NIOSH is currently monitoring water-related risks and will implement measures to identify and correct operational impacts on water resources. To minimise the impact of water usage and discharge will manage water use based on higher standards.

Energy Efficiency and Carbon Intensity

Global issues such as global warming and climate change are intensifying and seriously impacting human life and business activities. As a training provider, NIOSH uses energy and emits CO₂ in all core activities including training, consultation, research and development and information dissemination.

NIOSH tidak hanya mencipta nilai keuntungan tetapi juga mengambil kira alam sekitar global. Berdasarkan polisi alam sekitar, NIOSH komited untuk mengurangkan pelepasan CO₂. Ia bertujuan untuk mempercepatkan pengurangan pelepasan CO₂ dan mencapai sasaran untuk menjimatkan tenaga termasuk memasang peralatan kecekapan tenaga, menyertai Hari Bumi Sedunia dan menggunakan tenaga boleh diperbaharui.

NIOSH also takes into account the global environmental situation in its efforts as an OSH institution while bearing in mind the need to make profit value in its OSH activities. Based on the environmental policy, NIOSH has committed to CO₂ emissions reduction. We aim to increase the CO₂ emission reduction and achieve these targets through continued efforts to conserve energy, install energy-efficiency equipment, joining the World Earth Day and using renewable energy.

Jadual 2: Penggunaan Elektrik bagi tahun 2022 / *Table 2 : Electricity Usage for the year 2022*

Garis Panduan Asas tahun 2022 <i>2022 Baseline</i>	Keputusan tahun 2022 <i>2022 Results</i>	Status <i>Status</i>
RM1,388,656.56	RM825,953.00 (penggunaan keseluruhan) <i>(total usage)</i>	40% 40% kekurangan bill elektrik <i>reduction in electric bills</i>

Jadual 3: Jumlah Pengurangan Karbon - Hari Bumi Sedunia / *Table 3 : Total Carbon Reduction - World Earth Day*

Penggunaan elektik (kWh) sejam <i>Usage of electricity (kWh) in 1 hour</i>	Penggunaan elektik (RM) sejam <i>Usage of electricity (RM) in 1 hour</i>	Pengurangan Karbon (kgCO ₂) <i>Carbon Reduction (kgCO₂)</i>	Jumlah pokok di tanam <i>Total planted trees</i>
335.16kWh	RM170.60	232.49kg CO ₂	6 pokok <i>trees</i>

Proses Kitar Semula

Sebagai hasil semulajadi daripada aktiviti utama, NIOSH menghasilkan sisa-sisa. Kebanyakan sisa-sisa datang dari penggunaan kertas, plastik, tin, sisa elektronik, sisa makanan dan sisa domestik.

Mengurangkan sisa-sisa adalah penting kerana ia membantu pemuliharaan alam sekitar melalui penggunaan bahan-bahan dan sumber tenaga secara cekap serta dapat mengurangkan kos perniagaan. Penggunaan semula sumber-sumber akan menjadi semakin penting dalam beberapa tahun akan datang untuk mencapai ekonomi kitaran. Sejak 2021, NIOSH telah mengitar semula lebih daripada 40% daripada jumlah sisa yang dihasilkan melalui operasinya dan akan terus berusaha untuk mengurangkan sisa-sisa pada tahun 2023.

Recycling Processes

As a natural consequence of core activities NIOSH produces waste. Most of the waste comes from the usage of paper, plastic, tin, electronic waste, food waste and domestic waste.

Reducing waste is important because it conserves the environment through the efficient use of materials and energy resources necessary for our business meanwhile, it helps to reduce the cost of business. Reusing resources will become significantly important in the coming years to achieve the circular economy concept. Since 2021, NIOSH has recycled more than 40% of the total waste generated by its operations, and will continue in its effort to reduce waste in 2023.

Jadual 4: Manfaat Kitar Semula / Table 4: Profit from Recycling

No	Bulan / Month	Keuntungan dari Kitar Semula Profit of Recycle
C1	Jan to Mar 2022	RM500
C2	Apr to Jun 2022	RM2313.05
C3	Jul to Aug 2022	RM346.20
C4	Sept to Dec 2022	RM102.40
Jumlah Keuntungan / Total Profit		RM3261.65

Kualiti Udara dan Air

Kualiti udara dan air merujuk kepada tahap kebersihan atau kesesuaian udara dan air untuk manusia atau alam sekitar. Objektif pemantauan air dan udara adalah untuk memantau tahap pelepasan di bawah piawaian parameter yang telah ditetapkan, iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Industri) 2009.

Keputusan kajian adalah seperti berikut:

Air and Water Quality

Air and water quality refers to the degree to which the air and water is suitable or clean enough for humans or the environment. The objective of water and air monitoring is to monitor the level of emissions to be below the parameter standards that have been set, namely the Environmental Quality Regulations (Clean Air) 2014 and the Environmental Quality Regulations (Industrial Effluents) 2009.

The findings are as follows :

Item	Parameter	2022	Regulasi Regulations
Cerobong Asap <i>Chimney</i> (Unit 1 -13)	(6) Jumlah Bahan Zarah, Asid Sulfurik, Hidrogen Fluorida, Hidrogen Klorida, Asid Nitrik, Bahan Sebatian Organik Meruap Bukan Metana <i>(6) Total Particulate Matter, Sulphuric Acid, Hydrogen Fluoride, Hydrogen Chloride, Nitric Acid, Non-Methane Volatile Organic Compound</i>		Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Udara Bersih) 2014 <i>Clean Air Regulation 2014</i>
Set Penjana Kuasa <i>Generator</i> Set (Unit 1 -4)	(6) Jumlah Bahan Zarah, Sulfur Dioksida, Oksigen, Karbon Dioksida, Karbon Monoksida, Nitrogen Oksida/Nitrogen Dioksida <i>Total Particulate Matter, Sulfur Dioxide, Oxygen, Carbon Dioxide, Carbon Monoxide, Nitrogen Oxide/Nitrogen Dioxide</i>	DIPATUHI <i>COMPLIED</i>	Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Udara Bersih) 2014 <i>Clean Air Regulation 2014</i>
Air Buangan <i>Waste Water</i>	(2) Jumlah Pepejal Terampai, Minyak & Gris <i>Total Suspended Solids, Oil & Grease</i>		Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Industri) 2009 <i>Effluent Regulation 2009</i>

Mengurangkan Penggunaan Kertas

Oleh kerana kebanyakan pelanggan NIOSH merupakan syarikat perniagaan, aktiviti teras NIOSH sudah semestinya menggunakan sejumlah besar kertas. Menyedari penggunaan kertas dalam kuantiti yang besar memberi masalah kepada alam sekitar, NIOSH percaya adalah penting untuk mengurangkan penggunaan yang tidak perlu dan mengelak pembaziran kertas. Ketika keimbangan semakin meningkat mengenai kekurangan sumber dan pencemaran tapak pelupusan, NIOSH berhasrat untuk mengatasi masalah ini melalui usaha mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula kertas.

Jadual 5: Penggunaan Kertas bagi tahun 2022 / **Table 5:** Paper Usage 2022

Garis Panduan Asas tahun 2022 2022 Baseline	Keputusan tahun 2022 2022 Results	Status Status
480 kotak setahun <i>boxes per year</i>	345 kotak (penggunaan tahun 2022) <i>boxes (total usage 2022)</i>	28% pengurangan penggunaan kertas <i>reduction in paper use</i>

Penilaian Bangunan Mampan Tenaga Rendah Karbon (GREENPASS)

Program GreenPASS adalah penilaian sukarela bagi menghargai inisiatif bangunan mampan tenaga rendah karbon yang menggunakan metric karbon umum UNEP-SBCI/CIS20-GreenPASS CIDB.

NIOSH telah mengambil bahagian dalam program GreenPASS yang dianjurkan oleh SEDA pada tahun 2022 (pengiraan penarafan berlian diambil sepanjang 2021). Program ini berfungsi sebagai platform untuk pengurangan karbon dalam sektor bangunan untuk menyokong sasaran kerajaan untuk mengurangkan ketumpatan CO2 sebanyak 40-45% menjelang tahun 2030.

Reducing Paper Use

Since most of our customers are businesses, all the core activities of NIOSH as an OSH institution would indeed use a substantial amount of paper. We recognise that large quantities of paper usage as a significant problem and we believe it is crucial for us to reduce unnecessary usage and wastage of paper. Amid growing concerns about resource depletion and landfill pollution, we aim to reduce our paper use by reducing, reusing, and recycling paper.

Sustainable Low Energy Carbon Building Assessment (GreenPASS)

The GreenPASS programme is a voluntary assessment of low-carbon sustainable energy buildings which become a platform to appreciate low-carbon sustainable energy building initiatives that use the UNEP-SBCI/CIS20-GreenPASS CIDB Common Carbon Metric.

NIOSH has participated in the GreenPASS programme organised by SEDA in 2022 (the diamond rating calculation is recorded throughout 2021). This programme serves as a platform for carbon reduction in the building sector to support the government's target to reduce CO2 intensity by 40-45% by 2030.



Sisa Berbahaya dan Pembuangan Kimia Toksik

Sisa berjadual akan dilabel dan disimpan di fasiliti khas sebelum dibawa ke Kualiti Alam untuk dilupuskan setiap 12 bulan (tempoh yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar). NIOSH melaksanakan penyelenggaraan Sisa Berjadual ini dengan mematuhi peraturan dan garis panduan yang dinyatakan dalam Jadual Peraturan Sisa (2005).

Hazardous Waste and Toxic Chemical Disposal

Scheduled waste will be labeled, stored in a special facility and taken to Kualiti Alam for disposal every 12 months (permissible period from the Department of Environment). NIOSH implements the maintenance of this Scheduled Waste in compliance with specific regulations and guidelines stated in the Scheduled Waste Regulations (2005).



Kesihatan dan Keselamatan

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001:2018)

Pensijilan bagi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga telah dilaksanakan di Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi dan 5 Pejabat Wilayah NIOSH yang telah dipensijilkan bagi ISO 45001:2018 iaitu NIOSH Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru), Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang), Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), Pejabat Wilayah Sarawak (Bintulu), dan Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu).

Health and Safety

Health and Safety Management System (ISO 45001:2018)

Certification for the occupational health and safety management system was implemented at NIOSH Headquarters in Bandar Baru Bangi and at 5 NIOSH Regional Offices, which have been certified for ISO 45001:2018. These offices include the NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru), Northern Regional Office (Penang), East Coast Regional Office (Kerteh), Sarawak Regional Office (Bintulu), and Sabah Regional Office (Kota Kinabalu).




Sijil Pensijilan OSHMS (ISO 45001:2018)
OSHMS Certification Documents (ISO 45001:2018)





Nama Mangsa <i>Victim Name</i>	Kategori Mangsa <i>Victim Category</i>	Tarikh Kemalangan <i>Accident Date</i>	Punca Kemalangan/ Penyakit <i>Source of Accident/ Disease</i>	Rawatan <i>Treatment</i>
Tiada / <i>None</i>				

Maklumat Kemalangan Nyaris/Kemalangan/Kerosakan Harta Benda/Penyakit Pekerjaan 2022
Information on Near Accidents/Accidents/Property Damage/ Occupational Diseases for 2022



Maklumat Penyakit Berjangkit 2022
Information on Infectious Diseases for 2022

Keadaan di Tempat Bekerja

Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

NIOSH telah melaksanakan program – program KKP untuk meningkatkan minat kakitangan terhadap kepentingan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Objektif latihan ini adalah memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan KKP kepada kakitangan NIOSH. Selain itu, ia juga untuk meningkatkan tahap kesedaran berkaitan KKP di tempat kerja. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah:

1. Ujian Saringan Kesihatan dan Kecerdasan Kakitangan NIOSH.

Aktiviti ini telah dijalankan pada Mac 2022 yang telah dianjurkan oleh NOSHECOM dengan kerjasama Kluster Kesihatan Pekerjaan kepada kakitangan NIOSH Ibu Pejabat. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan mengetahui tahap kecergasan dan kesihatan. Jenis Ujian Saringan Kesihatan yang diambil adalah seperti Indeks jisim badan, hipertensi, glukosa dan kolesterol.

2. Aktiviti Minda Sihat NIOSH.

Selaras dengan sambutan kesihatan mental sedunia 2022 bertemakan ‘Kesihatan dan kesejahteraan Mental Keutamaan Global’ , NIOSH dengan kerjasama ahli jawatankuasa Minda Sihat dan Jawatankuasa Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan, Alam Sekitar dan Keselamatan Trafik Jalan Raya NIOSH (NOSHERTCOM) telah menganjurkan program mingguan sepanjang bulan oktober 2022. Program tersebut disediakan khas buat kakitangan NIOSH dan NIOSH Certification Sdn Bhd di atas komitmen pengurusan tertinggi NIOSH dalam usaha mempromosikan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental.

Working Conditions

Occupational Health and Safety Program (OHSP)

NIOSH has implemented OHSP programmes to increase employee interest in safe and healthy work environments. The objective of this training is to provide knowledge and exposure related to Occupational Health and Safety to NIOSH staff. It also aims to improve awareness levels related to OHSP in the workplace. Among the programmes and activities implemented are:

1. Health Screening and Intelligence Test for NIOSH Staff

This activity was carried out in March 2022 and was organised by NOSHECOM in collaboration with the Occupational Health Cluster for NIOSH staff at the headquarters. The purpose of this program is to raise awareness about the importance of a healthy lifestyle and to determine the level of fitness and health. Health screening tests that were conducted include body mass index, hypertension, glucose and cholesterol.

2. NIOSH Mental Health Activity

In line with the World Mental Health Day 2022 theme ‘Global Prioritisation of Health and Mental Well-being’, NIOSH in collaboration with the Mental Health Committee and the Occupational Health, Environment and Road Safety Committee (NOSHERTCOM) organised a weekly programme throughout October 2022. The programme is specially designed for NIOSH and NIOSH Certification Sdn Bhd staff as part of NIOSH’s commitment to promote awareness on the importance of mental health.”



Poster promosi Program Kesihatan Mental sepanjang bulan Oktober 2022
Mental Health promotional poster for October 2022

No	Aktiviti Minda Sihat <i>Mental Health Activities</i>	Jumlah Peserta <i>Participant Count</i>
1.	Komunikasi di tempat kerja: hubungan antara individu dan ahli pasukan <i>Workplace communication: relationships between individuals and team mates</i>	100 pax
2.	Relaksasi dan terapi seni / <i>Relaxation and art therapy</i>	23 pax
3.	Terapi senaman kesihatan mental / <i>Mental health exercise therapy</i>	30 pax
4.	Seminar pengenalan kepada pengurusan risiko psikososial di tempat kerja <i>Awareness seminar on psychosocial risk management at the workplace</i>	454 pax

Senaman Kesihatan Mental *Mental Health Exercise*

Relaksasi dan Terapi Seni *Relaxation and Art Therapy*



Aktiviti Relaksasi dan Seni Terapi / *Relaxation and Art Therapy Activities*

Seminar Pengenalan Kepada Pengurusan Risiko Psikososial di tempat Kerja *Seminar on Introduction to Psychosocial Risk Management at the Workplace*



Senarai inisiatif/program/ aktiviti berhubung kesihatan mental*List of initiatives/programmes/activities related to mental health***Institute Keselamatan and Kesihatan Nasional (NIOSH)***Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*

Bil No	Initiatives/Programmes/Activities	Briefing on Initiatives/Programmes/Activities	Target Group	Implementation Period
1.	Saringan DASS21 <i>DASS21 Check</i>	Saringan kemurungan, kebimbangan dan stres Skala 21 secara atas talian <i>Depression, anxiety and stress Scale 21 check via online</i>	Kakitangan NIOSH <i>NIOSH staff</i>	Sekali sebulan bermula April 2021 <i>Once a month beginning April 2021</i>
2.	Ceramah Kesihatan Minda <i>Talk on Healthy Minds</i>	Perbincangan secara berkumpulan bagi kumpulan sasar berkaitan beban kerja dan tekanan kerja <i>Group discussion on a target group regarding workload and work pressure</i>	Kakitangan NIOSH dan permintaan Industri <i>NIOSH staff and industry demand</i>	1-2 Jam/bulan <i>1-2 hours per month</i>
3.	Perbincangan Kumpulan Fokus <i>Focus Group Discussion</i>	Perbincangan secara berkumpulan bagi kumpulan sasar berkaitan beban kerja dan tekanan kerja <i>Group discussion on a target group regarding workload and work pressure</i>	Kakitangan NIOSH yang mengendalikan saringan DASS21 <i>NIOSH staff who handled the DASS21 check</i>	6 Bulan <i>6 months</i>
4.	Bicara Sokongan <i>Support Talk</i>	Sesi individual bersama kaunselor dalaman <i>Individual sessions with internal counselor</i>	Kakitangan NIOSH yang membuat saringan DASS21 <i>NIOSH staff who handled DASS21 check</i>	6 Bulan <i>6 months</i>
5.	Mental Health Awareness Course <i>Kursus Kesedaran Kesihatan Mental</i>	Latihan kesedaran kesihatan mental di tempat kerja <i>Mental health awareness training at the workplace</i>	Kakitangan NIOSH yang membuat saringan DASS21 dan permintaan industri <i>NIOSH staff who handled DASS21 check and industry demand</i>	Program sehari <i>Day programme</i>
6.	Kaunseling Luaran <i>External Counseling</i>	Sesi individual bersama kaunselor berdaftar luaran <i>Individual sessions with a licensed external counselor</i>	Kakitangan NIOSH yang membuat saringan DASS21 <i>NIOSH staff who handled DASS21 check</i>	2-3 sesi <i>2-3 sessions</i>


Bil No	Inisiatif/Program/Aktiviti <i>Initiatives/Programmes/Activities</i>	Penerangan Ringkas Inisiatif/ Program/Aktiviti <i>Briefing on Initiatives/Programmes/Activities</i>	Kumpulan Sasar <i>Target Group</i>	Tempoh Pelaksanaan <i>Implementation Period</i>
7.	Penyelidikan berkenaan Beban Kerja Mental Dan Keletihan Mental Dalam Sektor Perkhidmatan Di Malaysia <i>Research on Mental Workload And Mental Fatigue in the Service Sector in Malaysia</i>	Penyelidikan Universiti Malaya dan NIOSH bagi tinjauan dan eksperimen menggunakan teknik pengukuran dan parameter yang disahkan. <i>Research conducted by University Malaya and NIOSH on surveys and experiments using valid measurement techniques and parameters</i>	Sektor Perkhidmatan di Malaysia <i>Service sector in Malaysia</i>	12 bulan <i>12 months</i>
8.	Penyelidikan Punca Stres dan kaedah menanganinya di tempat kerja kalangan kakitangan NIOSH <i>Research on the Causes of Stress and Methods of Coping with it in the Workplace Among NIOSH Personnel</i>	Penyelidikan dalaman NIOSH bersama kumpulan penyelidik UKM membuat tinjauan inventori stress kerja melalui atas talian. <i>NIOSH internal research team with UKM research group conduct an online stress inventory survey</i>	Kakitangan NIOSH Malaysia <i>NIOSH Malaysia employees</i>	(Sept 2019-Ogos 2020) 6 bulan <i>(Sept 2019 - Aug 2020) 6 months</i>
9.	Bengkel Pembimbing Komuniti <i>Community Mentors Workshop</i>	Latihan kemahiran asas menolong bagi pembimbing komuniti untuk kesejahteraan organisasi <i>Basic skills training involving support services for community leaders for an organisation's well-being</i>	Kakitangan NIOSH <i>NIOSH staff</i>	(Disember 2021 - Mei 2022) 3 hari <i>(Dec 2021 - May 2022) 3 days</i>
10.	Pembangunan Portal Digital Kesihatan Mental "IREMYA" <i>Development of "IREMYA" a Digital Portal on Mental Health</i>	Portal digital kesihatan mental "IREMYA" telah dibangunkan kerjasama antara NIOSH dan Emerging Journey Asia untuk kegunaan industri dalam menangani isu berkaitan kesihatan mental pekerjaan. <i>Mental health digital portal "IREMYA" was developed by NIOSH and Emerging Journey Asia for industry use in addressing issues related to occupational mental health</i>	Kakitangan NIOSH & Industri Malaysia <i>NIOSH staff and Industries in Malaysia</i>	Sepanjang masa <i>Ongoing</i>

Program Minda Sihat NIOSH (Soal Selidik Maklum Balas)

Program minda sihat adalah program untuk semua kakitangan NIOSH.. Walaubagaimanapun, penyertaan kakitangan adalah bersifat sukarela.

NIOSH Healthy Mind Programme (Response to Questionnaires)


The Healthy Mind Programme is for all NIOSH staff. Nonetheless, participation staff is voluntary.




Butiran demografi


Pecahan responded mengikut jabatan dan pejabat wilayah

Jabatan/Pejabat Wilayah	Responden
ETDRO	52
CSSD	9
CRD	46
SRO	25
NRO	25
SWRO	25
SBRO	26
ECRO	25
Others	4






Status kecenderungan penyertaan program kesihatan mental / *Inclination level to participate in the mental health programme*



Peratusan kepuasan terhadap program NIOSH minda sihat / *Percentage of satisfaction level towards the NIOSH healthy mind programme*



Peratusan pilihan kegemaran mengikut jenis program kesihatan mental
Percentage of selection by interest of the mental health programmes offered

3. Hubungan Pekerja dan Diversiti

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Alam Sekitar dan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya NIOSH (NOSHERTCOM).

Mesyuarat ini telah dilaksanakan setiap 3 bulan sekali. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, alam sekitar dan keselamatan lalu lintas jalan raya dibincangkan di dalam mesyuarat ini bagi mencapai objektif dan sasaran (OTP).

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NIOSH (NOSHCOM)

Mesyuarat ini hanya dilaksanakan di 5 Pejabat Wilayah yang telah dipensijilkan bagi Sistem Pengurusan ISO 45001:2018 dan 2 Pejabat Wilayah yang telah dipensijilkan dengan Sistem Pengurusan ISO 14001:2015. Mesyuarat ini juga telah dijalankan setiap 3 bulan sekali. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar dibincangkan di dalam mesyuarat ini bagi mencapai objektif dan sasaran (OTP).

4. Pemeriksaan Tempat Kerja (WPI, Pemeriksaan Jentera, Kawad Kebakaran)

Pemeriksaan Tempat Kerja (WPI)

Pemeriksaan tempat kerja telah dilaksanakan setiap bulan bagi tahun 2022 dan meliputi semua tempat kerja di Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi. Laporan pemeriksaan akan dibentangkan di dalam mesyuarat NOSHERTCOM bagi menentukan langkah kawalan yang berkesan.

Pemeriksaan Jentera yang Berdaftar oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Sebanyak 9 Jentera di dalam premis NIOSH telah berdaftar dengan JKKP dan kesemua jentera tersebut masih sah digunakan dan belum tamat tempoh. Pemeriksaan akan dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak JKKP. Antara jentera - jentera NIOSH yang berdaftar dengan JKKP adalah 4 unit Mesin Lif (Bangunan Utama & Menara NIOSH), Pengangkat Monorel, Kren Monorel, Penerima Udara Mendatar, Penerima Udara Dancomair, dan Autoklaf.

3. Employee Relations and Diversity

Occupational Health and Safety (OSH), NIOSH Environment and Road Traffic (NOSHERTCOM) Committee Meeting

This meeting is held once every 3 months. Various issues related to occupational safety and health, environment and road traffic is discussed in this meeting to achieve objectives and targets (OTP).

NIOSH Occupational Safety and Health Committee Meeting (NOSHCOM)

This meeting was held at 5 Regional Offices that had been certified for the Management System ISO 45001:2018, while 2 other Regional Offices were certified with the Management System ISO 14001:2015. This meeting is conducted once every 3 months. Various issues related to occupational safety and health and the environment is discussed in this meeting to achieve objectives and targets (OTP).

4. Work Place Inspection (WPI, MACHINE INSPECTION, FIRE DRILL)

Work Place Inspection (WPI)

Work place inspections was carried out every month for the year 2022. It covers the entire work area at NIOSH Headquarters, Bandar Baru Bangi. The inspection report is presented in the NOSHERTCOM meeting to determine effective control measures.

Inspection of Registered Machinery by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH)

A total of 9 machines at NIOSH premises were registered with DOSH and all are still valid for use and have not expired. Inspections are carried out according to the plan set by DOSH. Among the machines registered with DOSH are 4 units of Elevator Machines (NIOSH Main Building and Tower), Monorail Hoist, Monorail Crane, Air Receiver Horizontal, Air Receiver Dancomair, and Autoclave.

Keselamatan dan Kesihatan Pelanggan

Taklimat Keselamatan dan Kecemasan kepada Kontraktor (Tool Box Meeting)

Taklimat keselamatan kepada kontraktor akan dilaksanakan bagi kontraktor yang ingin bekerja di dalam NIOSH. Mereka akan diberikan taklimat berkenaan dengan keselamatan dan kecemasan sebelum memulakan pekerjaan yang melibatkan risiko yang tinggi. Bagi kontraktor yang akan melakukan aktiviti di premis NIOSH mereka bertanggungjawab menghadiri kursus induksi keselamatan.



Penggunaan Sistem e-Permit

e-Permit adalah satu sistem atas talian bagi permohonan aktiviti di dalam premis NIOSH. Penggunaan e-Permit bertujuan untuk mengawal risiko aktiviti yang dijalankan di dalam premis NIOSH.

NIOSH - Permit to Work							
List of Application							
No.	Permit ID	Contractor	AWA 1	AWA 2	Work Date	Status	Action
1	PM0136-2414	ADZ PRO VENTURES	Shamsul Ilya Shamsuddin	Ahmad Haziq Syakkil Bin Mohamed Faihal	10-02-2023	Pending	
2	PM0161-2413	MQL GLOBAL ENTERPRISE	Muhamad Sabri Abdurrahman	Shamsul Ilya Shamsuddin	09-02-2023	Pending	
3	PM0136-2412	ADZ PRO VENTURES	Ahmad Haziq Syakkil Bin Mohamed Faihal	Shamsul Ilya Shamsuddin	09-02-2023	Pending	
4	PM0163-2411	Global Pivitcare	Ahmad Fikri Bin Ahmad Noordin	Ahmad Fikri Bin Ahmad Noordin	09-02-2023	Pending	
5	PM0099-2409	TERANIMEX PEST CONTROL	Abdul Razali Ahmad		08-02-2023	Pending	
6	PM0163-2409	Global Pivitcare	Nur Hariz Bin Tukiman	Nur Hariz Bin Tukiman	08-02-2023	Pending	

Customer Safety and Health

Safety and Emergency Briefing for Contractors (Tool Box Meeting)

Security briefing to contractors will be implemented to contractors who wish to work at NIOSH. They will be given a briefing regarding safety and emergency before starting high risk work. For contractors who would be doing activities at NIOSH premises, they are required to attend the safety induction course.



Using the e-Permit System

e-Permit is an online system for applications of activities to be held at NIOSH premises. Use of e-Permit is aimed at controlling risks of the activities carried out in NIOSH premises.

Emergency Preparedness

Latihan Tindakan Kecemasan bagi Kebocoran Gas

Latihan Tindakan Kecemasan bagi kebocoran gas telah dilaksanakan untuk memberi pendedahan terutama kepada kakitangan makmal dan ahli NEFT tentang cara untuk bertindak awal sekiranya berlaku situasi kecemasan. Latihan ini juga memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada Pasukan NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) bagaimana untuk mengendalikan dan bertindak awal apabila berlakunya insiden yang melibatkan kebocoran gas di kawasan makmal NIOSH. Latihan ini juga merupakan latihan tahunan yang dilaksanakan di NIOSH Ibu Pejabat, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ia juga merupakan salah satu keperluan utama di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018 (OSHMS)

Emergency Preparedness

Emergency Action Training for Gas Leaks

Emergency action training for gas leaks was implemented to provide situational exposure to laboratory staff and NEFT members on how to act promptly in an emergency. This exercise provides knowledge and experience to NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) on how to handle and act immediately should an incident involving gas leak occur in a NIOSH laboratory. This training is an annual exercise that is implemented at NIOSH Headquarters, Bandar Baru Bangi, Selangor. It is one of the main requirements in the implementation of the OSH Management System ISO 45001:2018 (OSHMS).



Latihan Kawad Kecemasan bagi Pengungsian Bangunan

Latihan Kawad Kecemasan bagi pengungsian bangunan ini telah dilaksanakan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan NIOSH, peserta kursus dan kontraktor dalaman NIOSH tentang cara untuk bertindak awal sekiranya berlaku situasi kecemasan contohnya kebakaran. Latihan ini juga memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada Pasukan NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) tentang bagaimana untuk mengendalikan dan bertindak awal apabila berlakunya sesuatu keadaan yang mencemaskan. Latihan ini juga merupakan latihan tahunan yang dilaksanakan di NIOSH Ibu Pejabat, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ia juga merupakan salah satu keperluan utama di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS).

Emergency Drill Training for Building Evacuation

Emergency drill training for building evacuation was implemented in order to provide exposure to NIOSH staff, course participants and NIOSH internal contractors on how to respond immediately in the event of an emergency such as fire. This drill provides knowledge and experience to the NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) on how to handle and act swiftly when an alarming or critical situation occurs. The emergency drill is an exercise that is held annually at NIOSH Headquarters, Bangi New Town, Selangor. It is also a major requirement in the implementation of Occupational Safety and Health Management System (OSHMS).



Road Traffic Safety

Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya / Road Traffic Safety



NIOSH ke arah persijilan ISO 39001:2012
NIOSH towards ISO 39001:2012 certification



Polisi keselamatan lalu lintas jalan raya NIOSH
NIOSH road traffic safety policy



Faktor prestasi risiko RTSMS 2022 / *Risk Performance Factor RTSMS 2022*



SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko ialah proses mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko kewangan, perundangan, strategi dan keselamatan kepada modal dan pendapatan organisasi.

Sebanyak 32 isu yang telah dikenalpasti bagi Sistem Pengurusan Kualiti bagi tahun 2022 di NIOSH. Butiran isu adalah seperti berikut :

Jabatan / Department	Jumlah Isu / Total Issues
Pejabat Pengarah Eksekutif (EDO) <i>Executive Director's Office (EDO)</i>	9
Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan (CSSD) <i>Corporate Services and Support Department</i>	14
Jabatan Pendidikan dan Latihan dan Pejabat Wilayah (ETDRO) <i>Education and Training Department Regional Office (ETDRO)</i>	5
Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) <i>Consultancy, Research and Development Department (CRRD)</i>	4
JUMLAH / TOTAL	32

Pengurusan Risiko (Kualiti) / *Risk Management (Quality)*

Aduan Pelanggan

Secara amnya, aduan pelanggan adalah terhadap dasar/poli dan perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi yang tidak mematuhi keperluan atau proses yang ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

Customer Complaints

Generally, customer complaints are related to policies and services provided by an organisation that does not comply with the requirements or the process set in the quality management system.

Tahun / Year	Jumlah Aduan Diterima / Total Complaints Received
2020	8
2021	15
2022	8

Perbandingan aduan pelanggan diterima tahun 2020 hingga 2023
Comparison 2020 to 2023 total numbers of complaints received from customers

Audit

Audit Dalaman

Audit dalaman merupakan proses pemeriksaan yang dilakukan untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko dalam perusahaan, menilai berbagai pengendalian dalaman yang diikuti di dalam perusahaan dan memastikan organisasi tersebut mematuhi peraturan dan pematuhan yang ditetapkan.

Audit Dalaman di NIOSH akan dijalankan sekali setahun.

Audit

Internal audit

Internal audit is an inspection process which is done to evaluate and improve the effectiveness of risk management in a company; to evaluate the various internal controls that are practiced in a company; and to ensure the organisation complies with the rules and regulations that have been set.

Internal Audits at NIOSH are conducted once a year.

ISO	Audit Dalaman / Internal Audit					
	2020		2021		2022	
	NCR	OFI	NCR	OFI	NCR	OFI
Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) <i>Quality Management System (QMS)</i>	17	38	8	34	2	40
Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) <i>Occupational Safety and Health Management System (OSHMS)</i>	19	54	8	32	0	35
Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) <i>Environmental Management System (EMS)</i>	3	10	4	9	0	13
Sistem Pengurusan Lalu Lintas Jalan Raya (RTMS) <i>Road Traffic Management System (RTMS)</i>					0	4
JUMLAH / TOTAL	39	102	20	75	2	92

Perbandingan penemuan audit tahun 2020 hingga 2022 / *Comparison 2020 to 2022 audit findings*



Audit Luaran

Audit Luaran adalah pemeriksaan terhadap rekod sesuatu organisasi di mana juruaudit badan persijilan yang telah dilantik menjalankan tugas untuk memeriksa proses kerja organisasi dengan teliti untuk mengetahui jika terdapat penemuan yang tidak mematuhi pematuhan yang telah ditetapkan.

NIOSH telah melantik Intertek Certificaton International Sdn Bhd sebagai Badan Persijilan untuk menjalankan Audit Luaran di NIOSH.



Pematuhan Perundangan

Setiap pematuhan dan perundangan perlu dipatuhi di NIOSH.

Antara pematuhan yang dipatuhi di NIOSH adalah seperti berikut :

- Akta Kerja 1955
- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
- Akta Syarikat 2016
- Akta Cukai Pendapatan 1967
- Akta Cukai Perkhidmatan 2018

External Audit

An external audit is an examining of records of an organisation wherein a certification body of auditors is appointed to carry out the task of inspecting the organisation's work process carefully to find out if there are findings of non-compliance.

NIOSH appointed Intertek Certificaton International Sdn Bhd as the certification body to carry out an external audit at NIOSH.

Regulation Compliance

Every compliance and regulation needs to be abided at NIOSH.

Among the compliances observed at NIOSH are as follows :

- Employment Act 1955
- Malaysian Companies Commission Act 2001
- Companies Act 2016
- Income Tax Act 1967
- Service Tax Act 2018

Objektif Target dan Program Bagi Sistem Pengurusan Kualiti

Objektif, Target dan Program bagi Sistem Pengurusan Kualiti dibangunkan untuk memantau progres sasaran yang telah ditetapkan oleh setiap Bahagian/ Jabatan di NIOSH

Objective, Target and Programme for Quality Management System

Objectives, targets and programmes for the quality management system was developed to monitor the progress of the target which was set by each Division/ Department in NIOSH

Tahun / Year	Jumlah Program / Total Programmes
2020	55
2021	55
2022	56

Jumlah program objektif, target dan program bagi tahun 2020-2022

Total programmes including objectives, targets and programmes for the year 2020 - 2022



INTEGRITI DAN TADBIR URUS 2022

Penetapan Dasar

Polisi Antirasuah

Polisi Antirasuah NIOSH dengan rasminya telah diluluskan oleh Pengarah Eksekutif pada 17 November 2021. Sejak dengan polisi ini, NIOSH mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah (Zero Tolerance Corruption/ ZETOC).



POLISI PENGURUSAN HADIAH NIOSH

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyokong pendekatan toleransi sifar rasuah dan komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti.

Selaras dengan komitmen ini, semua warga NIOSH TIDAK BOLEH MEMINTA, MENERIMA, MENAWAR dan MEMBERI sebarang hadiah, imbuhan atau perkhidmatan daripada atau kepada mana-mana pihak.

Sejurus dengan komitmen ini, semua warga NIOSH berkepentingan dengan NIOSH perlu memahami dan mematuhi polisi ini. Pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan undang-undang atau tatatertib dikenakan kepada mereka yang terlibat.

[@nioshmicrosoft](#) [@NIOSHMalaysia](#) [@niosh.mys](#) [www.niosh.mys](#)

Polisi Pengurusan Hadiah

NIOSH menyokong pendekatan toleransi sifar rasuah dimana semua warga NIOSH TIDAK BOLEH MEMINTA, MENERIMA, MENAWAR dan MEMBERI sebarang hadiah, imbuhan atau perkhidmatan daripada atau kepada mana-mana pihak.

Gift Management Policy

NIOSH supports a zero-tolerance approach to corruption wherein, all NIOSH employees are prohibited to ASK, RECEIVE, OFFER and GIVE any gift, remuneration or services from or to any parties.

INTEGRITY AND GOVERNANCE 2022

Policy Setting

Anti-Corruption Policy


The Anti-Corruption Policy at NIOSH has been officially approved by the Executive Director on 17 November 2021. Consistent with this policy, NIOSH practices a zero tolerance approach to all forms of corruption (Zero Tolerance Corruption/ ZETOC).

Polisi Pemberitahuan Maklumat

Bagi menggalakkan pelaporan berkenaan aktiviti rasuah melalui e-mel ke alamat whistleblower@NIOSH.com.my, NIOSH telah membangunkan Polisi Pemberitahuan Maklumat (Whistleblowing Policy) bagi memberi perlindungan kepada pengadu.

Information Revealing Policy

To encourage reporting on activities related to bribery by using email to the address whistleblower@NIOSH.com.my, NIOSH developed a Policy Revealing Notification (Whistleblowing Policy) so as to provide protection to the informant.



Logo Toleransi Sifar Rasuah (ZETOC)

Logo Toleransi Sifar Rasuah (ZETOC) telah diluluskan penggunaannya oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) NIOSH Bil. 1/2022 yang telah bersidang pada 10 Februari 2022. Majlis pelancaran logo berkenaan telah diadakan pada 1 April 2022 yang merupakan salah satu medium hebahan kepada semua kakitangan dan pihak berkepentingan. Logo tersebut telah rasmi digunakan bagi tujuan dan aktiviti rasmi NIOSH.

Zero Tolerance for Corruption (ZETOC) Logo

The Zero Tolerance for Corruption (ZETOC) logo was approved for use by members of the Meeting Committee for Anti-Corruption (JAR) NIOSH No. 1/2022 which convened on February 10, 2022. The launch ceremony for the logo was held on April 1, 2022. This event was a publicity opportunity to all staff and stakeholders. Since the launch, the logo has been officially used for all NIOSH purposes and activities.

Saluran Aduan Integriti

Sebarang pertanyaan, maklum balas atau aduan integriti boleh berhubung melalui saluran yang tertera:



Pengukuhan Integriti

Pesanan Integriti (P.I.)

Pada tahun 2022, NIOSH telah meletakkan sasaran sebanyak 20 program P.I. yang bertujuan memupuk nilai-nilai positif dalam diri kakitangan. Sejumlah 36 program telah berjaya dijalankan secara atas talian selama durasi 10 minit dengan purata penyertaan kakitangan sebanyak 152 orang bagi setiap program.

Integrity Complaint Channel

Any questions, feedback or complaints regarding integrity can be contacted through the following channels:

Strengthening Integrity

Integrity Order (P.I.)

In 2022, NIOSH had set a target for as many as 20 P.I. programmes which aimed to nurture positive values in the staff. A total of 36 programmes had been successfully conducted online for a 10 minute duration with average staff participation. There were as many as 152 people for each programme.



Ceramah Integriti Bulanan (C.I.B.)

Sebanyak enam (6) program C.I.B. telah dianjurkan oleh NIOSH secara fizikal dan atas talian pada tahun 2022. Bagi setiap 1 jam durasi ceramah yang diadakan, purata penyertaan kakitangan adalah sebanyak 142 orang.

Monthly Integrity Talk (C.I.B.)

A total of six (6) C.I.B. programmes were organised by NIOSH by way of physical and online sessions in 2022. For every 1 hour of lecture duration, the average staff participation was as many as 142 persons.




Taklimat Integriti (T.I.)

NIOSH mengambil pendekatan menjelajah ke pejabat cawangan di seluruh semenanjung Malaysia bagi menjalankan program T.I. Sebanyak 6 taklimat telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2022 di 6 pejabat cawangan dengan purata 7 penyertaan daripada kakitangan bagi setiap 2 jam durasi taklimat termasuk lawatan pra-audit.

Integrity Briefing (T.I.)

NIOSH planned a field trip approach to branches throughout West Malaysia for running the T.I. program. A total of 6 briefings were successfully implemented in 2022 at 6 branches with an average of 7 staff entries for every 2 hour duration of the briefing including a pre-audit visit.




Kempen Integriti (K.I.)

Salah satu usaha NIOSH untuk menyemai nilai integriti dalam diri kakitangan adalah menerusi penganjuran program K.I. Sebanyak 4 kempen dengan purata penyertaan kakitangan sebanyak 291 orang telah berjaya dianjurkan sepanjang tahun 2022 termasuk penyertaan daripada pihak Pengurusan Tertinggi.

Integrity Campaign (K.I.)

One of NIOSH's efforts to instill values of integrity in the staff was through the organisation of the K.I. A total of 4 campaigns with an average of 291 staff participation was successfully organised throughout the year 2022 including participation from the top management.

Statistik Kempen Integriti (K.I.) 2022 *Integrity Campaign Statistic 2022*



PEMBANGUNAN ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (SPAR)

Kursus Kompetensi

Dalam usaha memantau dan menilai tahap pematuhan kakitangan dan organisasi terhadap keperluan ISO 37001:2016, NIOSH telah menganjurkan 2 kursus kompetensi pada tahun 2022 yang melibatkan kakitangan di ibu pejabat dan pejabat cawangan.

DEVELOPMENT OF ISO 37001:2016 ANTI-CORRUPTION MANAGEMENT (SPAR) SYSTEM

Competency Course

In an effort to monitor and evaluate the level of compliance for both staff and organisation to ISO 37001:2016 requirements, NIOSH organised 2 competency courses in 2022 that involved staff from headquarters and branch offices.




Bengkel Dokumentasi

NIOSH telah mewujudkan sistem kawalan dokumen bagi memenuhi keperluan ISO 37001:2016. Sehubungan itu, 2 bengkel dokumentasi telah dianjurkan sepanjang tahun 2022 bagi mengemaskini dokumen-dokumen yang digunakan mengikut rangka kerja ISO.

Documentation Workshop

NIOSH established a document control system to meet the requirements of ISO 37001:2016. Accordingly, 2 documentation workshops were organised for the year 2022 to update documents according to the ISO framework.



Audit Dalaman

Penilaian keberkesanan sistem ISO 37001:2016 dan pemantauan prestasi keseluruhan organisasi telah dilakukan oleh NIOSH melalui pelaksanaan audit dalaman. Sesi audit telah dijalankan bermula 30 Oktober hingga 30 November 2022 meliputi kesemua 16 Pejabat Cawangan NIOSH di seluruh Malaysia termasuk Ibu Pejabat.

Internal Audit

Evaluation of the effectiveness of ISO 37001:2016 system and the overall performance monitoring of the organisation was done by NIOSH through the implementation of internal audits. The audit sessions were conducted starting on 30 October to 30 November, 2022. The internal audits covered all 16 NIOSH branch offices throughout Malaysia including its headquarters.

Audit Dalaman ISO 37001:2016 Tahun 2022 Internal Audit ISO 37001:2016



TADBIR URUS

Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit Dalam dan Integriti & Governans (JKAIG)

Mesyuarat JKAIG dijalankan sebanyak 4 kali setahun. Merupakan satu mesyuarat jawatankuasa bebas yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus NIOSH dengan tujuan untuk memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam sebarang aktiviti organisasi.

GOVERNANCE

Meeting of the Audit Committee of the Board of Directors on Internal Audit & Governance (JKAIG)

The Internal Audit Board Committee Meeting together with Integrity and Governance (JKAIG) is chaired by the Deputy Manager of NIOSH. JKAIG meetings are held 4 times a year. It is an independent committee meeting with the aim of ensuring transparency, integrity and accountability in any organisational activity.



Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

Antara tujuan pelaksanaan Mesyuarat JAR peringkat NIOSH adalah untuk mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma-terma rujukan JAR. Mesyuarat yang dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun ini dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH dan dihadiri oleh 17 ahli JAR yang dilantik.

Anti-Corruption Committee Meeting (JAR)

Among the objectives of the implementation of JAR committee meeting NIOSH has the role of identify issues, problems and improvement measures that are based on JAR terms of reference. The meeting was held as many as 3 times a year chaired by Executive Director of NIOSH and attended by 17 JAR members appointed.



Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 37001:2016

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001:2018)

Pensijilan bagi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga telah dilaksanakan di ibu pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi dan 5 pejabat wilayah NIOSH yang telah menerima pensijilan bagi ISO 45001:2018 seperti NIOSH Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru), Pejabat Wilayah Utara (Penang), Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), Pejabat Wilayah Sarawak (Bintulu), dan Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu).



Rajah 2: Sijil Pensijilan OSHMS (ISO 45001:2018)
Figure 2: OSHMS (ISO 45001:2018) Certification Documents

Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) (14001:2015)

Audit bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar turut dilaksanakan secara serentak bermula pada 18 Julai sehingga 18 Ogos 2022 yang melibatkan Ibu Pejabat NIOSH dan dua lagi Pejabat Wilayah iaitu Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JBU) serta Pejabat Wilayah Pantai Timur Kerteh (ECRO-KTH). Badan Persijilan Intertek Certification International Sdn Bhd telah menjalankan audit Pensijilan Semula (Recertification) bagi sistem pengurusan EMS dan secara keseluruhan, pihak badan pensijilan berpuas hati dengan tahap keakuran dan keberkesanan pelaksanaan EMS di Ibu Pejabat NIOSH dan dua Pejabat Wilayah.

Occupational Safety and Health Management System (ISO 45001:2018)

Certification for occupational safety and health management system was implemented at NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi and 5 NIOSH regional offices all of which were certified for ISO 45001:2018. The list is as follows: NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru), Northern Regional Office (Penang), East Coast Regional Office (Kerteh), Sarawak Regional Office (Bintulu), and Sabah Regional Office (Kota Kinabalu).



Rajah 3: Sijil Pensijilan ISO 14001:2015
Figure 3: ISO 14001:2015 Certification Documents

Environment Management System (EMS) (14001:2015)

The audit for the Environment Management System was implemented from July 18 until August 18, 2022 involving NIOSH headquarters and two other regional offices namely, Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JBU) as well as the East Coast Regional Office Kerteh (ECRO-KTH). Intertek Certification International Certification Body Sdn Bhd conducted a recertification audit for EMS. Overall, the certification body is satisfied with the compliance level and effectiveness of EMS implementation at NIOSH headquarters and the two regional offices.

Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Alam Sekitar

NIOSH telah melaksanakan program – program KKP dan Alam Sekitar untuk meningkatkan minat kakitangan terhadap kepentingan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta kelestarian alam sekitar. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Alam Sekitar dan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya NIOSH (NOSHERTCOM).

Mesyuarat ini telah dilaksanakan setiap 3 bulan sekali. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, alam sekitar dan keselamatan lalu lintas jalan raya dibincangkan di dalam mesyuarat ini bagi mencapai objektif dan sasaran (OTP).

2. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NIOSH (NOSHCOM)

Mesyuarat ini hanya dilaksanakan di 5 pejabat wilayah yang telah menerima pensijilan bagi Sistem Pengurusan ISO 45001:2018 dan 2 pejabat wilayah yang telah menerima pensijilan dengan Sistem Pengurusan ISO 14001:2015. Mesyuarat ini juga telah dijalankan setiap 3 bulan sekali. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar dibincangkan di dalam mesyuarat ini bagi mencapai objektif dan sasaran (OTP).

3. Pemeriksaan Tempat Kerja (WPI)

Pemeriksaan tempat kerja akan dilaksanakan setiap bulan bagi tahun 2022 meliputi keseluruhan tempat kerja di ibu pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi. Laporan pemeriksaan akan dibentangkan di dalam mesyuarat NOSHERTCOM bagi menentukan langkah kawalan yang berkesan.

Occupational Safety and Health (OSH) and Environment Programmes

NIOSH implemented the OSH and Environment Programmes to increase staff interest in the importance of a safe and healthy work surroundings as well as environmental sustainability. Among the programmes and the activities carried out are:

1. Occupational Safety and Health (OSH), Environment and NIOSH Road Traffic Safety (NOSHERTCOM) Committee Meeting

This meeting is held once every 3 months. Various issues related to occupational safety and health, the environment, and road traffic safety are discussed in the meeting in order to achieve objectives and targets (OTP).

2. NIOSH Occupational Safety and Health Committee Meeting (NOSHCOM)

This meeting was held in 5 regional offices that were certified for ISO 45001:2018 Management System and 2 regional offices which were certified with the ISO 14001:2015 Management System. This meeting is conducted once every 3 months. Various issues related to occupational safety and health, and the environment are discussed in this meeting in order to achieve objectives and targets (OTP).

3. Workplace Inspection (WPI)

Workplace inspections was carried out every month for the year 2022. The inspection covered all work areas at NIOSH headquarters, Bandar Baru Bangi. The inspection report will be presented at the next NOSHERTCOM meeting to determine effective control measures.

4. Taklimat Keselamatan dan Kecemasan kepada Kontraktor (Tool Box Meeting)

Taklimat keselamatan kepada kontraktor akan dilaksanakan sepanjang kontraktor yang ingin bekerja di dalam NIOSH. Mereka akan diberikan sedikit taklimat berkenaan dengan keselamatan dan kecemasan sebelum memulakan pekerjaan yang melibatkan risiko yang tinggi.



5. Kursus Induksi PERMIT TO WORK dan HIRARC kepada kakitangan NIOSH

Kursus ini telah dilaksanakan pada 9-10/06/2022 dan 20-23/06/2022 di ibu pejabat NIOSH. Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada kakitangan NIOSH. Selain itu, ia juga untuk meningkatkan tahap kesedaran berkaitan KKP di tempat kerja.



4. Safety and Emergency Briefing to Contractor(s) (Tool Box Meeting)

Security briefing to the contractor will implemented as long as the contractor wishes to work at NIOSH. They will be given a short briefing regarding security and emergency before starting high risk work.

5. PERMIT TO WORK and HIRARC Induction Course for NIOSH Staff

This course was implemented on 9-10/06/2022 and 20-23/06/2022 at NIOSH headquarters. The objective of the course was to provide OSH related knowledge and exposure to NIOSH staff as well as to increase the level of awareness regarding OSH matters at the workplace.



6. Pemeriksaan Jentera yang Berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Sebanyak 9 Jentera di dalam premis NIOSH telah berdaftar dengan JKKP dan kesemua jentera tersebut masih sah digunakan dan belum tamat tempoh. Pemeriksaan akan dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak JKKP. Antara jentera – jentera NIOSH yang berdaftar dengan JKKP adalah seperti 4 unit mesin lif di bangunan utama and Menara NIOSH: Pengangkat Monorel, Kren Monorel, Penerima Udara Berasaskan Mendatar, Penerima Udara Dancomair, dan Autoklaf.

6. Inspection of Machinery Registered at the Department Occupational Safety and Health (DOSH)

A total of 9 machines at NIOSH premises had been registered with DOSH and all machinery have not expired and are valid for use. Inspections are carried out according to plans set by DOSH. Among the machines registered with DOSH are 4 units of elevator machines at the main building and NIOSH Tower: Monorail Hoist, Monorail Crane, Air Receiver Horizontal, Air Receiver Dancomair, and Autoclave.



7. Latihan Kecemasan bersama Pasukan Bomba Bahan Berbahaya(HAZMAT)

Pada 29/07/2019, Pasukan NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) telah bekerjasama dengan Pihak Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam untuk mengadakan satu latihan berkaitan tumpahan bahan kimia sebelum kawad kecemasan dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk menilai dan menguji keberkesanannya tindakan kecemasan oleh pasukan NEFT apabila berlakunya tumpahan bahan kimia di dalam premis NIOSH.

7. Emergency Training with the Fire Brigade on Hazardous Materials (HAZMAT)

On 29/07/2019, the NIOSH Emergency First Team Response Team (NEFT) worked with the Shah Alam Fire and Rescue Department to conduct a chemical spill related exercise before an emergency drill was conducted. This was aimed at evaluating and testing the effectiveness of emergency action by the NEFT team should a chemical spill occur on NIOSH premises.



8. Latihan Keselamatan Kebakaran dan Pengendalian Tumpahan Bahan Kimia

Latihan Kawad Kecemasan dan Menyelamatkan Mangsa Terperangkap dari Tumpahan Bahan Kimia di dalam makmal dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan NIOSH tentang cara untuk bertindak sekiranya berlaku situasi kecemasan seperti berlakunya insiden kebakaran atau tumpahan bahan kimia yang berbahaya. Latihan ini juga memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada Pasukan NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) bagaimana untuk mengendalikan dan bertindak awal apabila berlakunya insiden yang menyebabkan dengan tumpahan bahan kimia. Latihan ini juga merupakan latihan tahunan yang dilaksanakan di NIOSH Ibu Pejabat, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ia juga merupakan salah satu keperluan utama di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Latihan ini telah dilaksanakan di Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 14 Ogos 2019 untuk menyelamatkan mangsa yang terperangkap di dalam Makmal CHL yang lemas akibat terhadu tumpahan bahan kimia jenis Asid Nitrik (HN03) di Bangunan Utama NIOSH.

8. Fire Safety and Handling Chemical Spills Training

Emergency and Rescue Drill Training for Victims Trapped in Chemical Spills in Laboratories was implemented for the purpose of providing experience to NIOSH personnel on how to act in the event of an emergency situation. For example in fire incidents or hazardous chemical spills. This type of drill training provides knowledge and experience for NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) on how to handle and act immediately when an incident caused by chemical spills occurs. This exercise is conducted annually and is implemented at NIOSH Headquarters, Bandar Baru Bangi, Selangor. It is also one of the main requirements in the implementation of the OSH Management System (OSHMS) and Environment Management Systems (EMS).

These trainings were carried out at the NIOSH Headquarters, Bandar Baru Bangi, Selangor on 14 August 2019 in a drill training situation to rescue victims trapped inside the CHL lab in the main building and suffocated from inhaling spilled chemicals such as Nitric Acid (HN03).



Seramai 63 orang yang terdiri daripada kakitangan NIOSH, peserta kursus, tukang cuci, dan kontraktor NIOSH telah terlibat di dalam sesi latihan kali ini. Manakala anggota NEFT pula adalah seramai 25 orang. Lokasi tempat berkumpul semasa sesi latihan ini dijalankan adalah di Tempat Berkumpul 2 iaitu di kawasan parkir berhadapan garaj kereta Kenderaan Rasmi NIOSH di Bangunan Utama NIOSH.

A total of 63 people consisting of NIOSH staff, course participants, cleaners, and NIOSH contractors were involved in this training session along side 25 NEFT members. The location of the meeting place for the training session was at Gathering Place 2, the parking area in front of the vehicle garage for official NIOSH vehicles at NIOSH main building.



Latihan dimulakan pada jam 10.30 pagi dan berakhir jam 11.30 pagi.
The training began at 10.30am and concluded at 11.30am.

9. Persampelan Kualiti Pelepasan Udara Cerobong Dan Kualiti Pelepasan Sisa Air Efluen.

Persampelan kualiti pelepasan udara cerobong dan kualiti pelepasan air sisa efluen telah diadakan pada 20 September 2022. Persampelan dilakukan ke atas semua 13 cerobong asap di makmal-makmal CRD, 4 unit generator set dan 1 laluan akhir sisa efluen di lurang berhadapan pondok pengawal 2.

Objektif adalah untuk memantau tahap pelepasan di bawah standard parameter yang telah ditetapkan iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

9. Sampling of Chimney Air Emission And Effluent Waste Discharge Quality

Sampling of chimney air emission and effluent wastewater discharge quality was held on September 20, 2022. Sampling was conducted on all 13 chimneys in CRD laboratories, 4 generator unit sets and 1 manhole with effluent waste in front of Guard Hut 2.

The objective was to monitor emission levels under the standard parameters that have been set by the Environmental Quality Regulation (Clean Air) 2014 and Environmental Quality Regulation (Effluent Industry) 2009.

Hasil penemuan adalah seperti berikut :

The findings are as follows:

Item	Parameter	2022	Peraturan Regulations
Cerobong (Unit 1-13) <i>Chimney (Unit 1 -13)</i>	(6) Bahan Zarahan, Sulfurik Asid, Hidrogen Fluorida, Hidrogen Klorida, Asid Nitrik, Bahan Bukan Metana Sebatian Organik Meruap <i>Total Particulate Matter, Sulphuric Acid, Hydrogen Fluoride, Hydrogen Chloride, Nitric Acid, Non-Methane Volatile Organic Compound</i>		Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 <i>Clean Air Regulation 2014</i>
Set Penjana Kuasa (Unit 1-4) <i>Generator Set (Unit 1 -4)</i>	(6) Jumlah Bahan Zarahan, Sulfur Dioksida, Oksigen, Karbon Dioksida, Karbon Monoksida, Nitrogen Oksida/ Nitrogen Dioksida <i>Total Particulate Matter, Sulfur Dioxide, Oxygen, Carbon Dioxide, Carbon Monoxide, Nitrogen Oxide/ Nitrogen Dioxide</i>	DIPATUHI <i>COMPLIED</i>	Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 <i>Clean Air Regulation 2014</i>
Air Buangan <i>Waste Water</i>	(2) Jumlah Pepejal Terampai, Minyak dan Gris <i>Total Suspended Solids, Oil & Grease</i>		Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 <i>Effluent Regulation 2009</i>
	(3) Permintaan Oksigen Biologi, Permintaan Oksigen Kimia, Nitrogen Ammonia <i>Biological Oxygen Demand, Chemical Oxygen Demand, Ammoniacal Nitrogen</i>	MELEBIHI PARAMETER <i>EXCEED PARAMETER</i>	Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 <i>Effluent Regulation 2009</i>

10. Kempen Penanaman Pokok

Aktiviti penanaman pokok telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2022 iaitu melibatkan seramai 42 kakitangan daripada semua Jabatan dan Bahagian. Aktiviti penanaman pokok ini adalah sebagai simbolik untuk menggantikan penggunaan kertas yang dihasilkan daripada pokok sebagai usaha kelestarian alam sekitar. Sebanyak 42 pokok yang telah ditanam iaitu bersamaan dengan pengiraan 640 rim kertas atau 281,500 helai kertas.

10. Tree Planting Campaign

Tree planting activity was carried out on 19 August 2022 which involved a total of 42 staff from all departments and divisions. The activity of tree planting was a symbolic action to represent the replacement of the amount of paper being used equivalent to that produced from trees. It was also a sustainability effort. A total of 42 trees were planted equivalent to the production of 640 reams of paper or 281,500 sheets of paper.



11. Kempen NIOSH Earth Hour

Earth Hour adalah merupakan acara tahunan yang diadakan oleh World Widelfe Fund for Nature (WWF) disambut oleh seluruh dunia pada 26 Mac 2022. Earth Hour telah dilaksanakan di ibu pejabat dan dua pejabat wilayah yang telah dipersijilkan dengan ISO 14001:2015.

11. NIOSH Earth Hour Campaign

Earth Hour is an annual event held by the World Wildlife Fund for Nature (WWF) and it is celebrated by the whole world on March 26, 2022. Earth Hour was held at NIOSH headquarters and two regional offices that are certified with ISO 14001:2015.



Item	Ibu Pejabat Bangi Bangi <i>Headquarters</i>	Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JBU) <i>Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JBU)</i>	Pejabat Wilayah Timur Kerteh (ECRO-KTH) <i>East Coast Regional Office Kerteh (ECRO-KTH)</i>
Purata Bil Bulanan / <i>Average Monthly Bill</i>	RM122,888.77	RM40,712.96	RM7,500.00
Purata Penggunaan (kWh) / <i>Average Usage (kWh)</i>	241,431.77kWh	27,897.47kWh	14,734.77kWh
Anggaran Penggunaan (kWh) Harian <i>Estimated Daily Usage (kWh)</i>	8,047.73kWh	929.92kWh	491.16kWh
Anggaran Penggunaan (kWh) bagi Satu Jam <i>Estimated Hourly Usage (kWh)</i>	335.16kWh	31kWh	20.46kWh
Anggaran Penjimatan bagi Penggunaan 1 Jam <i>Estimated Savings Per Hourly Usage</i>	RM170.60	RM11.32	RM10.41
Pengurangan Pelepasan Karbon/ Gas Rumah Hijau <i>Reduction of Carbon Emission/ Green House Gases</i>	232.49 KgCo2	21.154 KgCo2	13.88 KgCo2
Anggaran Pokok yang ditanam <i>Estimated Trees Planted</i>	6 pokok	1 pokok	1 pokok

Anggaran Penjimatan Elektrik dan Pengurangan Karbon / *Estimated Electric Savings and Carbon Reduction*

12. Penilaian Bangunan Tenaga Lestari Rendah Karbon (GreenPASS)

Program GreenPASS adalah penilaian sukarela bangunan tenaga lestari rendah karbon yang mana ia merupakan platform untuk menghargai inisiatif bangunan tenaga lestari rendah karbon yang menggunakan Metrik Karbon Biasa UNEP-SBCI/CIS20-GreenPASS CIDB.

NIOSH telah turut serta dalam pelaksanaan program GreenPASS anjuran SEDA pada tahun 2022 ini (pengiraan diamond rating diambil sepanjang tahun 2021). Program ini sebagai platform bagi pengurangan karbon dalam sektor bangunan untuk menyokong sasaran kerajaan bagi mengurangkan intensiti CO2 sebanyak 40-45% menjelang tahun 2030.

12. Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment (GreenPASS)

The GreenPASS programme is a voluntary building assessment for low carbon and sustainable energy. It is a platform that appreciates initiatives related to low-carbon sustainable energy buildings that use the Common Carbon Metric UNEP-SBCI/CIS20-CIDB GreenPASS.

NIOSH participated in the GreenPASS programme organised by SEDA in 2022 (diamond rating calculation was taken throughout the year 2021). This programme is a platform for carbon reduction in the building sector. It is to support the government's target to reduce CO2 intensity by 40-45% in 2030.



13. Kitar Semula Secara Berpusat

Program kitar semula berpusat telah dilaksanakan setiap 3 bulan sekali dan melibatkan semua Jabatan dan Bahagian. Program ini bertujuan untuk mempraktikkan budaya amalan kitar semula selain untuk mengurangkan penjanaan sisa sampah NIOSH ke tapak pelupusan sampah. Berikut merupakan hasil jualan bahan kitar semula:

13. Centralised Recycling

A centralised recycling programme is implemented every 3 months. It involves all departments and divisions. This programme is implemented with a purpose to practice a culture of recycling, and reducing waste generation at NIOSH to the landfill. The following are proceeds from the sale of recycled materials:



No	Bahagian / Department	Hasil Jualan/RM <i>Sales ReLocation/ RM</i>
Suku 1 / Quarter 1		
1.	Examination and Certification Division (ECD) <i>Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)</i>	RM500.00
Suku 2 / Quarter 2		
2.	Quality Management Division (QMD) / <i>Bahagian Kualiti Pengurusan (QMD)</i>	RM14.40
3.	Administration and Facilities Division (ADFD) <i>Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti (ADFD)</i>	RM2141.65
4.	Finance Division (FIND) / <i>Bahagian Kewangan (FIND)</i>	RM42.20
5.	Consultancy and Research Development Department (CRD) <i>Bahagian Perundingan dan Pembangunan Penyelidikan</i>	RM114.80
Suku 3 / Quarter 3		
6.	Examination and Certification Division (ECD) <i>Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)</i>	RM144.30
7.	Finance Division (FIND) / <i>Bahagian Kewangan (FIND)</i>	RM183.00
8.	PRCU	RM11.50
9.	Education and Training Department (ETD) <i>Bahagian Pendidikan and Latihan (ETD)</i>	RM7.40
Suku 4 / Quarter 4		
10.	Examination and Certification Department (ECD) <i>Bahagian Peperiksaan and Persijilan (ECD)</i>	RM42.80
11.	PRCU	RM0.70
12.	Project Management Division (PMD) / <i>Bahagian Pengurusan Projek (PMD)</i>	RM7.80
13.	Consultancy and Research Development Department (CRD) <i>Bahagian Perundingan and Pembangunan Penyelidikan (CRD)</i>	RM14.00
14.	General / <i>Umum</i>	RM37.10
JUMLAH		RM3261.65

Hasil Jualan Kitar Semula 2022 / *Recycling Sales Relocation 2022*

14. Buangan Terjadual (SW)

Sisa buangan terjadual akan dilabel, disimpan di dalam stor khas dan dibawa ke Kualiti Alam Sdn Bhd bagi tujuan pelupusan setiap 12 bulan (tempoh kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar). NIOSH melaksanakan penyelenggaraan Sisa Terjadual ini sebagai mematuhi peraturan dan garis panduan yang khusus seperti di dalam Peraturan Bahan Buangan Terjadual (2005).

14. Scheduled Waste Management (SW)

Scheduled waste will be labeled, stored in in a special store and brought to Kualiti Alam Sdn Bhd (waste disposal site) for disposal every 12 months (which is the authorised period storage from the Department of Environment). NIOSH implementation of scheduled waste complies with specific rules and guidelines stated in the Scheduled Waste Regulations (2005).



15. Ujian Saringan Kesihatan dan Kecerdasan Kakitangan NIOSH.

Aktiviti ini telah dijalankan pada Mac 2022 yang telah dianjurkan oleh NOSHECOM dengan kerjasama Kluster Kesihatan Pekerjaan kepada kakitangan di ibu pejabat NIOSH. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan mengetahui tahap kecerdasan dan kesihatan. Jenis Ujian Saringan Kesihatan yang diambil adalah seperti Indeks Jisim Badan, Hipertensi, Glukosa dan Kolestrol.

16. Aktiviti Minda Sihat NIOSH: Senaman untuk Kesihatan Mental

Program Senaman untuk Kesihatan Mental berkonsepkan aktiviti fizikal dan senaman. Senaman dapat meningkatkan hormon adrenalin yang merangsangkan kegembiraan, menurunkan tekanan darah yang tinggi serta menguatkan otot badan bagi menjalani rutin harian. Seramai 30 orang kakitangan NIOSH dan NIOSH Certification Sdn Bhd telah menyertai program tersebut. Bacaan tekanan darah dan kadar nadi setiap peserta diambil sebelum dan selepas program bagi tujuan saringan kesihatan. Sesi dimulakan dengan aktiviti futsal tangan dan senaman menguatkan jantung. Kemudian sesi diteruskan dengan aktiviti terapi relaksasi imejan dimana peserta diminta untuk baring di atas tikar yoga dalam posisi tenang dan dibimbing oleh penceramah dengan audio latar yang menenangkan. Sesi diakhiri dengan aktiviti tenangkan diri yang dikenali sebagai Kemudahan Neuromuskular Proprioceptive (PNF).

15. Personnel Health and Mental Wellbeing Screening Test at NIOSH.

This activity was carried out in March 2022. It was organised by NOSHECOM in collaboration with Occupational Health Cluster for staff members at NIOSH headquarters. The purpose of this programme was to provide awareness on the importance of a healthy lifestyle, fitness level ability and overall health. Health Screening Tests were conducted such as Body Mass Index, Hypertension, Glucose and Cholesterol.

16. NIOSH Healthy Activities for the Mind: Mental Health Exercises

Mental Health Exercise Programmes based on physical activity and exercise. Exercise increases the stimulating hormone called adrenaline. It lowers high blood pressure as well as strengthens the muscles of the body for daily routines. A total of 30 staff from NIOSH and NIOSH Certification Sdn Bhd joined the programme. Blood pressure and pulse rate readings were taken for each participants before and after the programme for health screening purposes. The session began with hand futsal activities and exercises to strengthen the heart. Then the session continued with guided imagery relaxation therapy. Participants were asked to lie on a yoga mat in a calm position and guided by a speaker with a soothing audio background. The session ends with a cooling down activity known as Proprioceptive Neuromuscular Facilitation (PNF).



Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) (MS ISO/ IEC 17025:2017)

Makmal Penilaian dan Kawalan Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHECT) NIOSH telah mencapai pensijilan di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017).

Malaysian Laboratory Accreditation Scheme (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017)

The Occupational Safety and Health Evaluation and Control Technology Laboratory (OSHECT) of NIOSH has achieved certification under the Malaysian Laboratory Accreditation Scheme (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017).



**Sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia
Laboratory Accreditation Scheme Malaysia Certificate**

Beberapa siri audit dalaman dan luaran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 yang melibatkan makmal OSHECT.

A series of internal and external audits carried out throughout the year 2022 involving OSHECT laboratory.

Audit	Makmal / Laboratory	Tarikh / Date
Audit Pematuhan (JSM) <i>Surveillance Audit (DSM)</i>	CHL / DML / FPETL / GCL HEAL / EEL	11-13 Mei / <i>May</i> 2022
Lanjutan Skop (EOS) <i>Extension of Scope (EOS)</i>	SECL / HRL / FEL / GCL	14-15 Mac / <i>March</i> 2022
Audit Institute Kimia Malaysia (IKM) <i>Malaysian Institute of Chemistry (IKM)</i>	CHL	22 Ogos / <i>August</i> 2022
Audit Dalaman <i>Internal Audit</i>	CHL / DML / FPETL / HEAL EEL / SECL / HRL / GCL FEL / OHL / GML / FMML	14-23 November 2022

Penambahan skop persijilan makmal OSHECT pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

The expansion of OSHECT laboratory certification scope in the year 2022 is as follows:

Makmal / Laboratory	Skop / Scope
Makmal Penentukan Alat Penguji Gas (GCL) <i>Gas Calibration Laboratory (GCL)</i>	Penentukan - Elektrical <i>Calibration - Electrical</i>
Makmal Penentukan Peralatan Saintifik (SECL) <i>Scientific Equipment Calibration Laboratory (SECL)</i>	Penentukan - Acoustic <i>Calibration- Acoustic</i>
Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL) <i>Forensic Engineering Laboratory (FEL)</i>	Mekanikal <i>Mechanical</i>
Makmal Hidrostatik dan Pengisian Semula (HRL) <i>Hidrostatic Refilling Laboratory (HRL)</i>	Mekanikal <i>Mechanical</i>

Salah satu makmal di bawah OSHECT iaitu Makmal Analisa Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CHL) menerima Anugerah Makmal Cermelang bagi tahun ke dua belas (12) berturut-turut. Majlis penyampaian anugerah disampaikan pada Malam Kimia 2022 anjuran Institut Kimia Malaysia bertarikh 02 Disember 2022 di Citrine & Ruby Ballroom, One World Hotel Petaling Jaya, Selangor.

A laboratory under OSHECT, Chemical Hazardous to Health Laboratory (CHL) received the Excellence Laboratory Award (IKM Laboratory Excellence Award) for the twelfth (12) year and for 12 consecutive years. The award was presented at Chemistry Night 2022 and organised by the Malaysian Institute of Chemistry dated 02 December 2022 at Citrine and Ruby Ballroom, One World Hotel Petaling Jaya



Anugerah Makmal Cemerlang IKM 2022 / *Laboratory Excellence Award 2022*

KEPUASAN PELANGGAN

Pengurusan Aduan Pelanggan merupakan salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (QMD) bagi memastikan setiap aduan dan pertanyaan daripada pelanggan diberi maklumbalas dalam tempoh masa 8 jam waktu bekerja.

Prosedur Pengurusan Aduan Pelanggan disediakan untuk memberi panduan dan penerangan tatacara pengurusan aduan pelanggan bagi memastikan pengurusan aduan dan maklumbalas daripada pelanggan NIOSH di seluruh Malaysia dapat dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan. Hasil Laporan Aduan Pelanggan akan dijadikan medium penambahbaikan berterusan ke atas produk dan perkhidmatan NIOSH di masa hadapan.

PENILAIAN TENAGA PENGAJAR, PROGRAM DAN KEMUDAHAN

Dalam usaha memastikan kualiti penyampaian produk dan perkhidmatan NIOSH berada pada tahap terbaik, QMD telah menjalankan penilaian di atas talian sepenuhnya bagi tahun ini yang merangkumi penilaian tenaga pengajar, program dan kemudahan berdasarkan maklum balas daripada peserta kursus. Secara keseluruhannya hasil daripada ketiga-tiga skop penilaian ini menunjukkan perkhidmatan yang diberikan oleh NIOSH berada pada tahap cemerlang.

Bagi mengukuhkan lagi penilaian tersebut, 82 program penaziran juga telah dilaksanakan terhadap tenaga pengajar yang terpilih. Objektif penaziran ini adalah untuk memantau prestasi tenaga pengajar NIOSH berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Customer Satisfaction


Customer Complaint Management is one of the main activities implemented by Quality Management Division (QMD) to ensure every complaint and inquiry from customers are given feedback within 8 hours working hours.

Customer Complaint Management Procedures provide guidance and explanation on management procedures. Customer complaints are ensured management feedback from NIOSH. Complaints are managed efficiently, orderly and effectively. The result of the Customer Complaint Report will be used as a medium for continuous improvement on products and services in the future.

EVALUATION OF TEACHERS, PROGRAMMES AND FACILITIES

In an effort to ensure the quality of products and services are delivered at their best, QMD had conducted a fully online assessment that included evaluation of teachers, programmes and facilities. Feedback was received from course participants. Overall results of the three scopes of this evaluation showed services provided by NIOSH are at an excellent level.

To further strengthen the evaluation, 82 programmes were conducted on selected instructors. The objective of this study was to monitor the performance of NIOSH instructors based on established guidelines.



Peratusan Keseluruhan Penilaian di atas Penanda Aras mengikut Kategori (Jan-Dis 2022)
Overall Percentage of Evaluation Above the Benchmark by Category (Jan-Dec 2022)



AKTIVITI PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN *EXAMINATION AND ASSESSMENT ACTIVITIES*



AKTIVITI PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

Bahagian Peperiksaan dan Persijilan bertanggungjawab sebagai pusat peperiksaan bagi melaksanakan peperiksaan termasuk kompetensi perundangan untuk semua pusat latihan yang diluluskan pendaftarannya oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Aktiviti peperiksaan kompetensi perundangan adalah di bawah kawalan dan pemantauan Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP).

Aktiviti peperiksaan dan penilaian kompetensi bukan perundangan anjuran NIOSH pula terletak di bawah kawalan dan pemantauan Jawatankuasa Peperiksaan NIOSH (JPN)

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan penilaian yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia:

Jadual 1: Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian

Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian <i>Examination and Assessment Activities</i>	Jumlah Program <i>Total of Programmes</i>	Jumlah calon <i>Total of Candidates</i>
Peperiksaan Kompetensi Perundangan <i>Regulatory Competency Examinations</i>	939	19,399
Peperiksaan Kompetensi Bukan Perundangan <i>Non-regulatory Competency Examinations</i>	3,009	45,959
Peperiksaan Jurulatih <i>Trainer Examinations</i>	75	738
JUMLAH / TOTAL	4,023	66,096

4,023
Aktiviti Peperiksaan
dan Penilaian
*Examination and
Assessment Activities*

66,096
Calon
Candidate

EXAMINATION AND ASSESSMENT ACTIVITIES

The Examination and Certification Division is responsible as an examination centre for carrying examinations including legal competence for all training centres whose registration is approved by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH). Legal competency examination activities are under the control and monitoring of the Board of Examination of Occupational Safety and Health (BOE).

Non-regulatory Competency Examinations and competency assessment activities organised by NIOSH are under the control and monitoring of the NIOSH Examination Committee (JPN).

The following are the examination and assessment activities that have been carried out throughout Malaysia

Table 1: Examination and Assessment Activities

Tahun 2022 menunjukkan sebanyak 4, 023 aktiviti peperiksaan dan penilaian telah dijalankan dengan jumlah calon seramai 66, 096 orang calon.

Calon bagi peperiksaan Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES) mencatatkan jumlah calon paling ramai iaitu seramai 5, 360 orang calon dengan 422 kali kekerapan aktiviti peperiksaan dan penilaian telah diadakan.

Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) adalah peperiksaan kompetensi perundangan kedua tertinggi dengan jumlah calon seramai 4, 895 melalui 10 kali kekerapan peperiksaan telah diadakan.

Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) adalah peperiksaan kompetensi perundangan yang mempunyai jumlah calon ketiga paling ramai bagi tahun 2022, iaitu seramai 2, 424 orang. Bagi tahun yang sama, Peperiksaan SHO telah dijalankan sebanyak 9 kali, merangkumi di Ibu Pejabat NIOSH di Bandar Baru Bangi, Senai di Johor, Melaka, Manjung di Perak, Pulau Pinang, Kuantan di Pahang, Kerteh di Terengganu, Kuching, Bintulu dan Miri di Sarawak serta Sandakan dan Tawau di Sabah.

Bagi menampung permintaan calon, bilangan peperiksaan SHO akan ditambah kekerapannya pada tahun 2023. Semoga NIOSH sebagai Pusat Peperiksaan OSH dapat mengekalkan kualiti dalam melaksanakan aktiviti peperiksaan dan penilaian untuk bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi melahirkan lebih ramai Orang Yang Kompeten (OYK) untuk negara.

The year 2022 shows that 4,023 examination and assessment activities have been carried out with a total of 66,096 candidates.

Candidates for the Authorized Gas Tester and Entry Supervisor (AGTES) examination recorded the largest number of candidates, a total of 5,360 candidates with 422 times the frequency of examination and assessment activities were held.

The Site Safety Supervisor (SSS) exam is the second highest legal competency exam with a total of 4,895 candidates through 10 times the frequency of the exam has been held.

The Safety and Health Officer (SHO) examination is a competency examination that has the third largest number of candidates for the year 2022, which is 2,424 people. For the same year, the SHO Examination was conducted 9 times, including at the NIOSH Headquarters in Bandar Baru Bangi, Senai in Johor, Melaka, Manjung in Perak, Penang, Kuantan in Pahang, Kerteh in Terengganu, Kuching, Bintulu and Miri in Sarawak and Sandakan and Tawau in Sabah.

In order to meet the demands of exam candidates such as the SHO Exams, the frequency of this exams will be increased in 2023. Hopefully NIOSH as OSH Examination Centre can maintain the quality in conducting examination and assessment activities for the field of Occupational Safety and Health to produce more competent persons for the country.

Jadual 2: Jenis Peperiksaan / Penilaian dan Jumlah Calon**Table 2:** Types of Examination / Assessment and Number of Candidates

Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian <i>Types of Examination / Assessment</i>	Bilangan Peperiksaan <i>Number of Examinations</i>	Bilangan Calon <i>Number of Candidates</i>
Peperiksaan kompetensi perundangan / Regulatory competency examinations			
1.	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan <i>Safety and Health Officer</i>	9	2,424
2.	Penyelia Keselamatan Tapak Bina <i>Site Safety Supervisor</i>	9	4,895
3.	Operator Kren / <i>Crane Operator</i>	206	2,193
4.	Pengendali Perancah Tahap Asas / <i>Basic Scaffolder</i>	1	11
5.	Doktor Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Doctor</i>	5	1,357
6.	Penguji Gas Bertauliahan dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Space</i>	422	5,360
7.	Latihan Semula Penguji Gas Bertauliahan dan Penyelia Kemasukan bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Space Refresher</i>	270	2,745
8.	Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia) <i>Hygiene Technician 1 (Chemical Monitoring)</i>	3	79
9.	Juruteknik Higien 2 (Pemeriksaan, Pengujian dan Penilaian Peralatan Kawalan Kejuruteraan) <i>Hygiene Technician 2 (Inspection, Testing and Examination of Engineering Control Equipment)</i>	3	66
10.	Penaksir Risiko Bising / <i>Noise Risk Assessor</i>	3	109
11.	Penaksir Kualiti Udara Dalaman <i>Indoor Air Quality Assessor</i>	3	23
12.	Penaksiran Risiko Kimia kepada Kesihatan <i>Chemical Health Risk Assessor</i>	4	137
13.	Jururawat Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Nurse</i>	5	124
14.	Penaksir Hilang Upaya Perubatan Bertauliahan <i>Certified Medical Impairment Assessor</i>	4	318
15.	Pengendalian Selamat Trak Angsun <i>Safe Handling of Forklift Truck</i>	13	131

Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian <i>Types of Examination / Assessment</i>	Bilangan Peperiksaan <i>Number of Examinations</i>	Bilangan Calon <i>Number of Candidates</i>
Peperiksaan kompetensi perundangan / Regulatory competency examinations			
16.	Bekerja Selamat di Tempat Tinggi <i>Working Safely at Height</i>	205	2,914
17.	Orang yang dibenarkan Masuk dan Orang yang Menjaga bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space</i>	1,401	22,737
18.	Latihan Semula Orang yang dibenarkan Masuk dan Orang yang Menjaga bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space Refresher</i>	1,290	18,653
19.	Keselamatan bagi Kemasukan ke Ruang Inert <i>Inert Space Entry</i>	1	28
20.	Latihan Semula Keselamatan bagi Kemasukan ke Ruang Inert <i>Inert Space Entry Refresher</i>	1	10
21.	Menyelamat di Ruang Terkurung dan Tindakan Awalan <i>Confined Space Rescue and First Response</i>	5	33
22.	Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan <i>Basic Occupational First Aid</i>	62	713
23.	Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Awal <i>Ergonomic Trained Person for Initial Ergonomics Risk Assessment</i>	4	66
24.	Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Lanjutan <i>Ergonomic Trained Person for Advanced Ergonomic Risk Assessment</i>	4	53
25.	Asas Rigging dan Slinging <i>Basic Rigging and Slinging</i>	7	78
26.	Keselamatan Pengendalian Jet Air Bertekanan Tinggi <i>Safe Operation of High Pressure Water Jetting</i>	7	101
27.	Jurulatih bagi Program Keselamatan Ruang Terkurung <i>Confined Space Trainer (Trainer's Program)</i>	6	55

Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian <i>Types of Examination / Assessment</i>	Bilangan Peperiksaan <i>Number of Examinations</i>	Bilangan Calon <i>Number of Candidates</i>
Peperiksaan kompetensi perundangan / Regulatory competency examinations			
28.	Jurulatih Keselamatan dan Kesihatan Pembinaan <i>Construction Safety and Health Trainers</i>	7	71
29.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme</i>	57	557
30.	Pengurusan Latihan untuk Perniagaan <i>Training Management for Business</i>	4	29
31.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP - NCSP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme - NCSP</i>	1	18
32.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP - NTMSP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme - NTMSP</i>	3	40
33.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP - PRHP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme - PRHP</i>	1	12
34.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP - EISP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme - EISP</i>	1	16
35.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP - NTSLP <i>OSH Train the Trainer Competency Based Programme - NTSLP</i>	1	25
Jumlah / Total		4,032	69,096




PASCA PANDEMIK COVID-19 : Antara aktiviti peperiksaan, calon-calon Peperiksaan Doktor Kesihatan Pekerjaan sedang mengambil peperiksaan setelah dua tahun dunia berperang dengan penyebaran wabak COVID-19.

POST PANDEMIC COVID-19 : Among examination activities, candidates are undergoing the Occupational Health Doctor Examination after two years the world curbing the spread of the COVID-19 virus.



PEJABAT-PEJABAT WILAYAH *REGIONAL OFFICES*



AKTIVITI KALENDAR KOPORAT NIOSH 2023 **CORPORATE ACTIVITIES CALENDAR OF NIOSH 2023**

Jabatan / Department: ECRO-KTH		
Tarikh (Date):	Masa (Time):	Tempat (Location):
Pengerusi / Chairman: - VIP: Ustaz Hazri Jusoh Pegawai Penyelaras DUN Kijal <i>Coordinator Officer of Kijal State Legislative Assembly</i> Tetamu / Visitor: <ul style="list-style-type: none"> • Pn. Hanum binti Isa@Ghazali (Ketua Penolong Pegawai Daerah/<i>Head Assistant for District Officer</i>), • Muhammad Tarmidhi Bin Rani (Penolong Pegawai Daerah Kemaman/<i>Assistant Officer for Kemaman District</i>), • En. Abddul Ghafar bin Mohamed (Penghulu Kanan Daerah/<i>Senior Head of District</i>) • Penghulu Dun Kerteh dan Kijal, • APM (<i>Civil Defense Force Malaysia</i>) • BOMBA (<i>Fire and Rescue Department Malaysia</i>) • Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / <i>Village Development and Safety Committee (JPKK)</i> 	Tarikh (Date): 18/12/2022 Masa (Time): 9.00AM - 4.30PM Tempat (Location): Dewan Sivik Kg. Tengah Kerteh	

Info Aktiviti:

PROGRAM CSR KOMUNITI DUN KERTEH DAN KIJAL, KEMAMAN, TERENGGANU

18 DEC- Satu program CSR iaitu Kursus Asas Pertolongan Cemas, Menyelamat dan Melawan Kebakaran Bersama Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) Daerah Kemaman, Terengganu.

Program CSR ini melibatkan bersama Pegawai Daerah Kemaman, BOMBA, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan JP KK Daerah Kemaman.

Objektif program CSR ini adalah untuk merangka satu pelan kesiapsiagaan bagi menghadapi banjir yang bakal berlaku di Pantai Timur khasnya di Daerah Kemaman. NIOSH Kerteh memberi bantuan dari segi latihan kepada komuniti Kemaman.

Dua sesi Program yang dijalankan:

1. Asas Pertolongan Cemas
2. Menyelamat di darat (Balutan Patah Tulang dan Luka)

Program ini berjaya merapatkan hubungan NIOSH dengan komuniti setempat melalui program CSR yang melibatkan komuniti dan pihak berkaitan dalam membantu memberi latihan menghadapi bencana khususnya banjir pada tahun 2022.

Activity Info:

CSR PROGRAMME FOR KERTEH AND KIJAL COMMUNITIES IN KEMAMAN, TERENGGANU

18 DEC- Basic First Aid Course and Rescue And Fighting Fire CSR programme with the Village Development And Safety Committee (JPKK) Kemaman District, Terengganu.

This CSR programme involved the District Officer of Kemaman, BOMBA Fire and Rescue Department, Civil Defense Force Malaysia (APM) and Village Development and Safety Committee of (JPKK) Kemaman District.

The objective of this CSR programme is to design a preparedness plan to face future floods that would occur on the east coast especially in the Kemaman District. NIOSH Kerteh provided assistance in terms of training to the Kemaman community.

Two Programme sessions were conducted:

- 1. Basic First Aid*
- 2. Land Rescue (Dressing Broken Bones and Wounds)*

The programme succeeded in strengthening NIOSH relationship with the local community through CSR programmes which involved the community and related parties by providing training to cope and manage disasters especially the floods in 2022.

Jabatan / Department: ECRO-KTH		
Tarikh (Date): Oct-Dec 2022	Masa (Time): 0900-1630	Tempat (Location): Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu
<p style="text-align: center;">VIP: Ustaz Hazri Jusoh Pegawai Penyelaras DUN Kijal <i>Coordinator Officer of Kijal State Legislative Assembly</i></p>		

Info Aktiviti:

**PAMERAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN BERSAMA PERPUSTAKAAN SULTANAH
NUR ZAHIRAH, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(HARI TERBUKA PSNZ - UMT)**

Kerjasama Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan antara NIOSH Wilayah Pantai Timur Kertih (ECRO-KTH) bersama Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Penganjuran bersama pameran bermula Oktober sehingga Disember 2022.

PSNZ Hari Terbuka (POD 2022) 01-03 November 2022 (10,000 Pengunjung)

Selain memberi penerangan berkaitan perkhidmatan NIOSH, pihak fakulti yang terlibat ingin bekerjama dalam melaksanakan aktiviti latihan bersama seperti WINA, WISME dan OSH TALK.

Pihak NIOSH Wilayah Pantai Timur Kertih (ECRO-KTH) juga telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan program kompetensi seramai 30 peserta bagi program Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) dan 60 peserta bagi program Orang yang dibenarkan Masuk dan Orang yang Siap-sedia bagi Ruang Terkurung (AESP).

Info Aktiviti:

**OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH EXHIBITION AT
THE SULTANAH NUR ZAHIRAH LIBRARY, UNIVERSITY OF
MALAYSIA TERENGGANU (PSNZ OPEN DAY - UMT)**

Occupational Safety and Health Exhibition between NIOSH Kertih East Coast Region (ECRO-KTH) and Sultanah Nur Zahirah Library, University of Malaysia Terengganu (UMT).

Organising of the event and opening of the exhibition was from October until December 2022.

PSNZ Open Day (POD 2022) 01-03 November 2022 (10,000 Visitors)

In addition to relaying information related to services provided by NIOSH, the faculty involved would like to carry out joint training activities such as VIENNA, WISME and OSH TALK.

NIOSH East Coast Regional Office Kertih (ECRO-KTH) was given the trust to implement competency programmes with a total of 30 persons for the Site Safety Supervisor (SSS) programme and 60 persons for the Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space (AESP) programme.



AKTIVITI KALENDAR KOPORAT NIOSH 2023 CORPORATE ACTIVITIES CALENDAR OF NIOSH 2023

PROGRAM CSR KOMUNITI DUN KERTEH DAN KIJAL, KEMAMAN



Slot topik CSR oleh NIOSH yang disampaikan oleh Dr. Sayiq kepada komuniti Kemaman.

A CSR topic was delivered by Dr. Sayiq to the Kemaman community

CSR COMMUNITY PROGRAMME OF KERTEH AND KIJAL STATE CONSTITUENCY, KEMAMAN



Slot topik cara pemasangan khemah banjir yang akan digunakan jika berlaku bencana yang disampaikan oleh Pegawai APM Kemaman

A topic on learning to set-up camps for floods only was delivered by an APM Officer (civil defense) from Kemaman.



Slot topik cara melawan kebakaran yang disampaikan oleh Pegawai BOMBA Kerteh

Fire and Rescue Department Officer from Kerteh (BOMBA) delivering a topic on fighting a fire breakout



Majlis Perasmian yang dirasmikan oleh Penyelaras Dun Kemaman mewakili YB Dun Kerteh menyampaikan cendermata kepada En. Hisyamuddin, Pengurus NIOSH Wilayah Pantai Timur sebagai penghargaan kepada NIOSH yang turut terlibat dalam memberi sumbangan menjayakan program CSR untuk komuniti Kemaman.

The Opening Ceremony was officiated by a Kemaman Assemblyman who was representing YB Assemblyman for Kerteh in presenting a gift to Mr. Hisyamuddin, NIOSH East Coast Regional Office Manager as an appreciation to NIOSH for contributing to the success of the CSR programme for the Kemaman community.

**PAMERAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN BERSAMA PERPUSTAKAAN
SULTANAH NUR ZAHIRAH, UNIVERSITI
MALAYSIA TERENGGANU (PSNZ-UMT HARI
TERBUKA)**

**OSH EXHIBITION WITH SULTANAH NUR
ZAHIRAH LIBRARY, UNIVERSITY MALAYSIA
TERENGGANU (OPEN DAY)**



